


Helo Kampus



HeloKampus

kampus@utusan.com.my



**SUKARELAWAN
YES POLITEKNIK
MALAYSIA BANTU
MANGSA BANJIR » 21**

SITI AIMI SARAH ZAINAL ABIDIN (dua dari kanan) berjaya menjadi 10 peserta akhir dalam International Trans Tasman 3MT Competition di Australia, baru-baru ini.





SITI AIMI
SARAH
ZAINAL
ABIDIN

Kepetahan Siti Aimi

Terpilih sepuluh peserta pidato ke peringkat akhir International Trans Tasman 3MT Competition 2014

PELAJAR Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains produk halal, Institut Penyelidikan Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Aimi Sarah Zainal berjaya mengharumkan nama universiti apabila terpilih sebagai sepuluh peserta pidato ke peringkat akhir dalam pertandingan International Trans Tasman 3MT Competition 2014 di Australia, baru-baru ini.

Pidato tiga minit (3MT Competition) yang dibentangkan oleh Siti Aimi Sarah, 27, yang bertajuk Meat CSI: Detecting Culprit Species in Meat Products mengenai biomarker (protein penanda) itu untuk spesies haiwan khusus untuk mengesan pencemaran daging lain dalam produk daging halal berjaya menarik perhatian juri.

Siti Aimi berkata, detik kejayaan ini merupakan antara pencapaian terbaik walaupun hanya menjadi finalis kerana persaingan sangat sengit di peringkat akhir kerana kesemua peserta sangat hebat.

“Saya turut berterima kasih kepada suami yang juga penyelia saya, Dr. Awis Qurni Sazali, pensyarah-pensyarah dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

serta pegawai SGS yang membantu saya untuk ke peringkat ini.

“Walaupun saya sedih kerana tidak memenangi pertandingan ini, tetapi saya bangga kerana merupakan wakil tunggal pelajar Malaysia untuk ke peringkat akhir dalam pertandingan bertaraf antarabangsa sebegini. Pelajar perlu membentangkan kajian Ph.D dalam kaedah yang mudah difahami serta tidak terlalu teknikal dalam masa tiga minit kepada audiens yang mempunyai perbezaan latar belakang dalam penyelidikan sains dan sains sosial,” katanya.

Sementara itu, Siti Aimi berkata, penyelidikan beliau melibatkan penggunaan biomarker itu berasaskan penanda DNA yang berasaskan protein dapat mengesan penggunaan daging lain dengan lebih pantas serta mudah dikendalikan semasa menganalisis daging tersebut.

“Penyelidikan biomarker ini bermula dengan daging babi kerana merupakan kebimbangan utama dalam isu halal sebelum meneruskan kepada spesies lain seperti kuda, kambing serta daging lain yang menjadi tabu kepada sesetengah budaya dalam dunia ini.

“Pada masa akan datang, biomarker ini boleh digunakan oleh makmal kawalan

makanan untuk menilai kesahihan dan mengesan penipuan unsur daging lain dalam produk berkaitan,” katanya.

Siti Aimi yang juga ibu kepada dua orang cahaya mata turut berpandangan bidang industri halal mempunyai potensi untuk pergi jauh atas keperluan masa kini.

“Keperluan halal bukan sahaja khusus untuk keperluan muslim tetapi juga daripada segi aspek keselamatan makanan kepada individu lain untuk keperluan masa depan,” katanya.

Sebelum itu, beliau turut mengulas mengenai konsep 3MT yang merupakan pertandingan peringkat antarabangsa berkonseptan public speaking yang disertai oleh penuntut Ph.D dari seluruh dunia.

Pada awalnya, beliau mengakui tidak begitu serius untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini kerana sekadar memenangi tempat ke-3 di peringkat universiti pada Disember 2013.

“Saya kemudiannya berjaya di peringkat kebangsaan yang dilangsungkan di Universiti Teknologi Malaysia dan kemudiannya dipilih oleh pihak Sekolah Pengajian Siswazah (SGS) untuk mewakili UPM ke pertandingan tersebut di University of Western, Australia.

Siti Aimi Sarah turut berkongsikan

maklumat kepada pelajar yang berminat untuk menyertai pertandingan tersebut, antaranya pelajar harus memahami penyelidikan yang sedang dilakukan masa kini.

“Pelajar juga perlu mengenal pasti sumbangan serta isu yang bakal diselesaikan dengan hasil penyelidikan mereka kepada masyarakat dan penyampaian fakta perlu meyakinkan serta berinteraksi dengan audiens,” katanya.

Pertandingan itu yang iperkenalkan oleh Universiti of Queensland, Australia pada 2008 dan UPM merupakan universiti pertama di Malaysia yang menganjurkan pertandingan seperti ini di peringkat universiti pada 2012.

Juara pertandingan 3MT Competition 2014 adalah dari Curtin University, Sarah Marley bertajuk “Say What? Coastal dolphins and noisy environment” dan Naib Juara dari Australia National University, Rosanna Stevens dengan pembentangan “Now You See It”.

Antara universiti lain yang mengambil bahagian dalam pertandingan itu adalah The University of Western Australia, Monash University, Griffith University, Murdoch University, University of Sydney, University of Canberra dan AUT University.